



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN KEWANGAN**  
**KOD KURSUS : DSM2163**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama penuh pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.
7. Jadual kewangan nilai kini dan depan (*PVIF, FVIF table*) dilampirkan.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

(Tunjukkan semua jalan kerja)

**SOALAN 1**

**ASYEEK BERHAD**  
**KUNCI KIRA-KIRA PADA 30 APRIL 2015**

	RM		RM
Tunai	50,000	Akaun Belum Bayar	100,000
Sekuriti Boleh Pasar	60,000	Belanja Terakru	80,000
Akaun Belum Terima	150,000		
Belanja Terdahulu	315,000	Pinjaman Jangka Panjang	550,000
Inventori	390,000		
		Saham Biasa	1,050,000
Loji dan peralatan (bersih)	881,500	Perolehan Tertahan	66,500
<b>JUMLAH ASET</b>	<b><u>1,846,500</u></b>	<b>JUMLAH LIABILITI &amp; EKUITI</b>	<b><u>1,846,500</u></b>

**ASYEEK BERHAD**  
**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 APRIL 2015**

	RM
Jualan	2,450,000
Tolak : Kos barang dijual	858,000
Untung kasar	1,592,000
Tolak : Belanja jualan	532,000
Pendapatan sebelum cukai dan faedah	1,060,000
Tolak : Faedah	64,000
Pendapatan sebelum cukai	996,000
Tolak : Cukai	232,000
Pendapatan selepas cukai	764,000

**NISBAH PURATA INDUSTRI**

Nisbah semasa	4.99 kali	Nisbah hutang	35.0%
Nisbah cepat	1.33 kali	Tempoh purata kutipan	25 hari
Pusing ganti inventori	2.21 kali	Pulangan atas aset	43.99%
Margin untung bersih	32.0%	Tampungan faedah	18.51 kali

Berdasarkan penyata kewangan di atas:

- a. Kirakan nisbah kewangan bagi Asyeek Berhad bagi tahun 2015 berserta komen, prestasi syarikat berbanding purata industri.

(12  
markah)

- b. Jika anda salah seorang pembekal kepada Asyeek Bhd, berdasarkan nisbah hutang dan keberuntungan syarikat, wajarkah anda terus menawarkan kemudahan kredit kepada syarikat ini pada masa akan datang? Berikan justifikasi keputusan anda.

(8 markah)

## SOALAN 2

- a. Berikut merupakan maklumat anggaran belanjawan tunai Teraju Utama Sdn. Bhd. dari bulan Mei hingga Oktober 2016:

Bulan	JUALAN (RM)
Mei	550,000
Jun	580,000
Julai	620,000
Ogos	600,000
September	610,000
Oktober	590,000

- Kutipan jualan:
  - 45% diterima pada hari yang sama transaksi berlaku
  - 30% diterima sebulan selepas transaksi berlaku
  - 25% diterima dua bulan selepas transaksi berlaku
- Amaun belian dianggarkan 60% dari nilai jualan bulanan syarikat
- Syarikat meramalkan untuk membayar belian:
  - 40% pada hari yang sama transaksi berlaku
  - 60% sebulan selepas transaksi berlaku
- Anggaran belanja bulanan syarikat termasuklah:

Sewa premis	RM12,000
Pemasaran	RM3,500
Gaji dan Upah	RM10,000

5. Syarikat memperuntukkan RM2,800 sebagai belanja susut nilai dan akan direkod dalam penyata kewangan syarikat bermula pada Januari 2016.
6. Syarikat dijangka perlu membayar kos meminjam sebanyak RM180 setiap bulan.
7. Baki akhir tunai pada bulan Jun ialah RM55,000. Adalah menjadi dasar syarikat untuk memastikan baki minimum tunai bulanan syarikat sebanyak RM50,000.

**Anda dikehendaki :**

- a. Menyediakan Belanjawan Tunai bagi Teraju Utama Sdn. Bhd. bagi suku tahun ketiga 2016

(16 markah)

- b. Terangkan maksud yang berikut:
  - i. Perolehan tertahan
  - ii. Pembiayaan tidak spontan

(4 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

(Tunjukkan semua jalan kerja)

**SOALAN 1**

**BERKAT BERHAD  
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2016**

---

<b>Aset Tetap</b>	
Aset Tetap Bersih	2,400,000
<b>Aset Semasa</b>	
Tunai	550,000
Akaun Belum Terima	650,000
Inventori	390,000
Sekuriti mudah pasar	200,000
<b>Jumlah Aset</b>	<b><u>4,190,000</u></b>
<b>Liabiliti Semasa</b>	
Akaun Belum Bayar	650,000
Nota Belum Bayar	850,000
Insuran Terakru	400,000
<b>Liabiliti Jangka Panjang</b>	
Pinjaman Jangka Panjang	1,050,000
<b>Ekuiti</b>	
Saham Biasa	750,000
Perolehan Tertahan	490,000
<b>Jumlah Liabiliti &amp; Ekuiti</b>	<b><u>4,190,000</u></b>

- a. Berdasarkan maklumat berikut dan Penyata Kedudukan Kewangan Berkat Bhd, anda dikehendaki menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan Pro Forma pada 31 Disember 2017.
- i. Jualan semasa berjumlah RM1,000,000 dan diramalkan peningkatan jualan sebanyak 20% pada tahun 2017.
  - ii. Untung selepas cukai adalah RM150,000
  - iii. Dividen yang dibayar pada tahun 2016 adalah sebanyak RM35,000.
  - iv. Berkat Berhad beroperasi pada tahap kapasiti penuh.
  - v. Syarikat bercadang untuk memperoleh dana tambahan dengan mendapatkan pembiayaan jangka panjang.

(10 markah)

- b. i. Diberi **dua (2)** pilihan aliran tunai yang berikut. Manakah yang wajar anda pilih? Mengapa?

Pilihan A: Menyimpan dalam akaun simpanan sebanyak RM15,000 selama 5 tahun, menawarkan kadar pulangan sebanyak 6% dan akan dikompaun 2 kali setahun, **atau**

Pilihan B: Menyimpan dalam akaun simpanan sebanyak RM16,000 selama 5 tahun, menawarkan kadar pulangan sebanyak 4% setahun.

(6 markah)

- ii. Jelaskan **satu (1)** sebab pengetahuan berkaitan 'nilai masa wang' penting pengurus kewangan syarikat.

(2 markah)

- iii. Berikan maksud 'keputusan pembiayaan' dalam pengurusan kewangan berserta **dua (2)** contoh.

(2 markah)

## SOALAN 2

a. Iron Bhd. adalah syarikat yang terlibat dengan sektor pembinaan. Unjuran kewangan menunjukkan syarikat memerlukan RM500,000 untuk tempoh selama enam bulan bagi menampung modal kerja dan kos menjalankan projek jangka pendek. Tiga (3) pilihan untuk mendapatkan pembiayaan jangka pendek adalah seperti berikut. Kirakan kadar bunga efektif bagi setiap pilihan yang ada.

- i) **Pilihan 1:** Membuat pinjaman dari Bank Agressif pada kadar 12% bunga terdiskaun (*discounted interest*) dan 10% baki pampasan (*compensating balance*).

(5.5

markah)

- ii) **Pilihan 2:** Menggunakan kemudahan garisan kredit (*revolving line of credit*) bernilai RM600,000 dengan 1% yuran komitmen dikenakan atas kredit yang tidak digunakan dan kadar bunga atas pinjaman adalah 8% setahun.

(5

markah)

- iii) **Pilihan 3:** Menerbitkan kertas komersial dengan kadar bunga 9% setahun dan kos apungan dianggarkan sebanyak RM15,000.

(5.5

markah)

b. Senaraikan **dua (2)** perbezaan ciri di antara saham biasa dengan bon.

(4 markah)



**SOALAN 3**

Anda adalah pengurus kewangan Puncak Trading. Syarikat merancang sama ada terlibat dengan projek untuk membina rumah rehat (Projek Black House) atau rumah tumpangan (Projek Green House). Kedua-dua projek iaitu projek Black House dan Green House adalah projek yang saling menyingkir. Anggaran kos modal adalah 10%. Berikut merupakan aliran tunai yang diunjur bagi kedua-dua projek:

Tahun	Projek Black House (RM)	Projek Green House (RM)
0	(1,200,000)	(1,200,000)
1	700,000	400,000
2	300,000	400,000
3	300,000	400,000
4	100,500	400,000

a. Sebagai pengurus kewangan Puncak Trading, kirakan:

- i) Tempoh bayar balik untuk setiap projek. (5 markah)
- ii) Nilai kini bersih untuk setiap projek. (6 markah)
- iii) Kadar pulangan dalaman (*IRR*) untuk projek Green House. (5 markah)

b. Huraikan **dua (2)** kelebihan menggunakan kaedah terdiskaun berbanding tidak terdiskaun dalam menguruskan belanjawan modal syarikat.

(4 markah)

**SOALAN 4**

- a. Kamcing Corporation mengeluarkan dan menjual perabut kayu yang diperbuat dari kayu getah. Kebiasaannya syarikat memerlukan 30,000 unit paku berkualiti tinggi, sebagai inventori tahunan. Satu plastik paku berharga RM4.20. Pembekal akan membuat penghantaran 14 hari selepas pesanan dibuat. Kos pemesanan berjumlah RM100 manakala kos penghantaran adalah 20% daripada harga paku. Kebiasaannya syarikat memperuntukkan 3,000 unit paku sebagai stok keselamatan. (Andaikan 360 hari dalam setahun)

Berdasarkan maklumat di atas, kirakan:

- i. Kuantiti pesanan ekonomi (*EOQ*). (4 markah)
  - ii. Jumlah kos inventori (4 markah)
  - iii. Titik pesanan semula (*ROP*). (2 markah)
- b. i. Jelaskan **tiga (3)** motif syarikat menyimpan tunai. (6 markah)
- ii. Bezakan 'kitaran pertukaran tunai' dan 'tempoh pertukaran inventori' dalam pengurusan tunai sesebuah syarikat. (4 markah)

[60 MARKAH]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



